

27/05/2002

Dr Mahathir setuju terima undangan temui Pope

PUTRAJAYA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau setuju menerima undangan menemui Pope John Paul II di Vatican bulan depan.

"Apabila mesyuarat kabinet, kita sahkan," kata Perdana Menteri kepada pemberita di sini tanpa menyatakan tarikh pertemuan itu diadakan.

Beliau dijangka bertemu ketua penganut Roman Katolik itu di Vatican City bulan depan sempena lawatan Perdana Menteri ke Switzerland and Luxembourg daripada 9 sehingga 12 Jun ini.

Dr Mahathir ditemui pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak Fazilah Lazim, seorang daripada pegawai pengiring beliau, di Precint 9 di sini.

Sebelum ini, laporan menyatakan Dr Mahathir diundang ke Vatican oleh Pope John Paul II, dan Perdana Menteri berkata, beliau akan memaklukkannya kepada kabinet.

Pelbagai pihak menyambut baik pertemuan yang bakal diadakan itu kerana ia dapat menguatkan lagi hubungan antara penganut Islam dengan Roman Katolik, sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa.

Pergerakan Pemuda Umno menyifatkan pertemuan antara Dr Mahathir dengan Pope, sebagai membuka lembaran baru sejarah persefahaman antara umat Islam dan Kristian sedunia.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata undangan Pope itu adalah pengiktirafan terhadap Perdana Menteri yang terkenal sebagai pemimpin negara Islam sederhana.

"Pertemuan itu dapat menjelaskan pendirian dunia Islam terhadap keganasan dan kekejaman Israel ke atas seluruh penduduk Palestin.

"Isu Palestin bukan saja membabitkan penduduk Islam malah setiap rakyat Palestin yang majoritinya beragama Islam dan Kristian.

"Sehubungan itu, pertemuan ini adalah peluang terbaik kedua-dua pemimpin berbincang bagi menentang kekejaman Israel," katanya.

Hishammuddin berkata, pergerakan itu yakin pertemuan kedua-dua pemimpin berkenaan penting khususnya dalam usaha meletakkan imej Islam pada tahap yang dihormati masyarakat dunia.

Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) turut menyambut baik persetujuan Perdana Menteri untuk berjumpa Popeu.

Presiden Abim Ahmad Azam Abdul Rahman, berkata pertemuan itu amat bermakna bagi menyelesaikan masalah dunia dari perspektif dialog antara agama.

"Pertemuan itu membolehkan pertukaran pendapat dibuat bagi membincangkan isu yang dihadapi dunia," katanya kepada Bernama mengulas mengenai persetujuan Perdana Menteri untuk menerima undangan itu.

"Saya fikir ini pengiktirafan terhadap suara Malaysia sebagai mewakili walaupun tidak semua negara Islam, tetapi suara yang dianggap penting oleh Pope.

"Kita berkeyakinan pertemuan itu untuk bertukar pandangan mengenai isu keganasan dan krisis yang sedang melanda terutama di Asia Barat yang membabitkan tiga agama Samawi iaitu Yahudi, Kristian dan Islam," katanya.

Azam berkata perundingan dan dialog untuk menyelesaikan masalah amat bersesuaian dengan ajaran Islam.

(END)